

**NO. SOALAN: 215**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**

**RUJUKAN : 9744**

**SOALAN:**

**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan yang mati di bawah jagaan Jabatan Imigresen setiap tahun dari 2010-2016 mengikut umur, jantina, depot tahanan, negara asal, tempat dan sebab kematian dan jika tahanan tersebut Rohingya atau pelarian/pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR.

## **JAWAPAN:**

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah kematian di Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang direkodkan dari tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah berjumlah 161 orang. Punca kematian adalah disebabkan penyakit kritikal dan berjangkit seperti penyakit *tuberculosis* (TIBI), *human immunodeficiency virus* (HIV), jangkitan paru-paru, masalah jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya. Statistik terkumpul kematian dari tahun 2014 hingga tahun 2016 mengikut Depot Tahanan adalah seperti berikut:

i)	DTI Langkap	-	40 orang
ii)	DTI Bukit Jalil	-	31 orang
iii)	DTI Lenggeng	-	28 orang
iv)	DTI Juru	-	17 orang
v)	DTI Machap Umboo	-	12 orang
vi)	DTI KLIA	-	11 orang
vii)	DTI Semenyih	-	7 orang
viii)	DTI Tanah Merah	-	5 orang
ix)	DTI Pekan Nenas	-	5 orang
x)	DTI Ajil	-	4 orang
xi)	DTI Semuja	-	1 orang

**Pecahan kematian pendatang asing tanpa izin (PATI) mengikut warganegara asal dan jantina adalah seperti berikut:**

- i) Warganegara Myanmar - 73 orang**  
**Lelaki: 70 orang**  
**Perempuan: 3 orang**
- ii) Warganegara Indonesia - 23 orang**  
**Lelaki: 12 orang**  
**Perempuan: 7 orang**  
**Kanak-kanak: 4 orang**
- iii) Warganegara Bangladesh - 14 orang**  
**Lelaki: 14 orang**  
**Perempuan: tiada**
- iv) Warganegara India - 12 orang**  
**Lelaki: 12 orang**  
**Perempuan: Tiada**
- v) Warganegara Cambodia - 11 orang**  
**Lelaki: 1 orang**  
**Perempuan: 10 orang**
- vi) Warganegara Nepal - 6 orang**  
**Lelaki: 6 orang**  
**Perempuan: Tiada**
- vii) Warganegara Pakistan - 5 orang**  
**Lelaki: 5 orang**  
**Perempuan: Tiada**

- viii) Warganegara Nigeria - 5 orang**  
**Lelaki: 5 orang**  
**Perempuan: Tiada**
- ix) Warganegara Thailand - 3 orang**  
**Lelaki: 3 orang**  
**Perempuan: Tiada**
- x) Warganegara Vietnam - 2 orang**  
**Lelaki: 2 orang**  
**Perempuan: Tiada**
- xi) Lain-lain Warganegara - 7 orang**  
**Lelaki: 6 orang**  
**Perempuan: 1 orang**